

22/06/1998

Penswastaan bukan untuk wujud jutawan

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mengadakan projek penswastaan kerana kekurangan sumber kewangan, bukannya untuk mewujudkan jutawan.

Menurut Perdana Menteri, melalui penswastaan projek pembangunan dapat digerakkan kerana syarikat swasta dapat menyediakan infrastruktur yang diperlukan dengan lebih cepat lagi.

"Kerajaan terpaksa memberi syarikat kerajaan tertentu kepada pihak swasta kerana badan ini selalu rugi dan kadang-kadang penipuan berlaku," katanya ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno, di sini hari ini.

Presiden Umno itu berkata, melalui projek penswastaan pelbagai infrastruktur dapat disediakan seperti lebuh raya yang baik, lapangan terbang, pelabuhan dan penjana tenaga elektrik.

"Kerajaan tidak berupaya menjalankan projek itu dengan segera kerana kutipan cukai untuk pendapatan negara mengambil masa yang agak lama, sedangkan kosnya tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebilangan besar rakyat negara ini tidak perlu membayar cukai pendapatan kerana berada dalam kumpulan yang dikecualikan dan ada juga yang mengelak daripada membayar cukai.

Sebaliknya, beliau berkata kerajaan mendapat banyak hasil daripada cukai yang dibayar oleh syarikat swasta.

Menurutnya, kerajaan bukan sahaja mendapat hasil dengan menjual sesuatu projek kepada pihak swasta, malah turut mengutip hasil melalui cukai dan wang itu dapat digunakan untuk menyediakan infrastruktur seperti jalan di luar bandar untuk faedah penduduk yang tidak membayar cukai.

"Kerajaan memungut 28 peratus cukai daripada syarikat swasta. Sebagai contohnya, jika satu syarikat mempunyai pendapatan RM2 juta, cukai yang dibayar kepada kerajaan ialah RM560,000.

"Kalau ada Bumiputera yang mampu ambil alih haruskah kita kata jangan beri mereka, nanti mereka kaya.

"Kalau menyerahkannya kepada mereka, matlamat DEB lebih cepat tercapai," katanya.

Dr Mahathir menegur sikap sesetengah orang Melayu yang sanggup melihat bangsa lain menjadi kaya, tetapi tidak mahu melihat bangsa sendiri menjadi kaya.

Beliau berkata, sebahagian besar orang Melayu yang menjadi kaya melalui projek penswastaan sering membantu dengan menghulurkan pelbagai sumbangan dan derma bagi menunaikan tanggungjawab sosial mereka dan jika ada yang tidak berbuat demikian, mereka boleh dipanggil dan ditegur.

"Janganlah kerana ada satu dua yang lokek, kita hentikan penswastaan," katanya.

Dr Mahathir turut menjelaskan bahawa anggota veteran Umno ikhlas untuk menolong parti bagi memberi penerangan mengenai kegawatan ekonomi kepada orang ramai terutamanya di luar bandar.

"Nasihat yang akan mereka berikan kepada parti bukanlah sesuatu yang mesti dipatuhi," katanya.

(END)